

Tanggal 17 Ogos hari ini menandakan genap sebulan tragedi pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH17 yang dalam perjalanan dari Amsterdam menuju Kuala Lumpur ditembak jatuh di ruang udara Donetsk, Ukraine pada 17 Julai lalu.

Tragedi yang masih menjadi tanda tanya dunia itu menyebabkan semua penumpang dan kru pesawat berjumlah 298 orang maut serta merta. Sebanyak 65 mayat sudah berjaya dikenal pasti menerusi proses forensik di Belanda termasuk mayat 16 warga Malaysia membabitkan enam beragama Islam, Kristian (4), Buddha (4) Sikh (1) dan Hindu (1). Proses pengecaman identiti mangsa dilakukan sepasukan pakar forensik antarabangsa di kem tentera Hilversum sejak kumpulan pertama mayat tiba di Lapangan Terbang Pangkalan Tentera Eindhoven dari Kharkiv, Ukraine, 23 Julai lalu.

Kumpulan pertama 15 mayat warga Malaysia dijadual tiba di Lapangan

Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Jumaat ini.

Tragedi MH17 ditembak jatuh ini juga bukan sekadar membabitkan operasi untuk membawa pulang semua mayat mangsa, sebaliknya membabitkan siasatan terhadap punca dan pihak yang bertanggungjawab menembak pesawat berkenaan.


Ia membabitkan beberapa fasa berbeza yang cukup rumit lantaran lokasi pesawat terhempas yang berada di kawasan peperangan dan menyukarkan misi siasatan dan mengambil masa lama. Fasa ini membabitkan misi mencari, mengenal pasti mangsa, siasatan punca nahas pesawat, urusan membawa pulang mayat mangsa yang terbabit dan paling utama pihak yang bertanggungjawab menembak jatuh pesawat ini.

17 Julai

MH17 yang berlepas dari Amsterdam menuju ke Kuala Lumpur terputus hubungan dan disahkan jatuh di Donetsk, Ukraine



MH17



19 Julai

Penganalisis ketenteraan Amerika Syarikat (AS) yang juga bekas Leftenan Kolonel Tentera Udara AS Rick Francona mendakwa MH17 ditembak jatuh menggunakan peluru berpandu permukaan ke udara (SAM) jenis BUK rekaan Russia



20 Julai

196 mayat diambil oleh pemberontak pro-Russia dan diletakkan dalam kereta api berhawa dingin di Torez, timur Ukraine

21 Julai

100 anggota pasukan siasatan khas Malaysia berada di Kharkiv untuk menjalankan proses forensik bersama pasukan antarabangsa yang lain



- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak meterai persefahaman dengan pemimpin pemberontak pro-Russia Alexander Borodai untuk mengembalikkan semua mayat mangsa kepada ahli keluarga masing-masing, menyerahkan kotak hitam dan akses penuh pasukan penyiasat ke kawasan kemalangan supaya penyiasatan dapat dilakukan

22 Julai

Kereta api yang menempatkan mayat mangsa nahas berkenaan tiba di Kharkiv, bandar yang dikuasai Ukraine

- Pemberontak menyerahkan dua kotak hitam yang dijumpai kepada pasukan siasatan khas Malaysia

23 Julai

40 mayat diterbangkan menaiki pesawat dari Ukraine ke Pangkalan Tentera Udara Belanda di Eindhoven

- Dua kotak hitam yang diterima daripada kumpulan pemberontak dihantar terus ke makmal berdekatan United Kingdom bagi dianalisis dan tiba di London hari yang sama

- Pemberontak pro-Russia menyangkal dakwaan pihaknya memiliki BUK dan menafikan bertanggungjawab menembak jatuh MH17

- Russia mendedahkan rekod penerbangannya menunjukkan sebuah pesawat pejuang Ukraine terbang hampir dengan penerbangan MH17 sebelum ia terhempas dipercayai ditembak oleh pesawat berkenaan



Alexander Borodai



SEBULAN

JUMLAH KESELURUHAN: 298

PECAHAN KORBAN NAHAS MH17

193 BELANDA



43 MALAYSIA



27 AUSTRALIA



12 INDONESIA



10 UK



4 BELGIUM



4 JERMAN



3 FILIPINA



1 NEW ZEALAND



1 KANADA



WARTAWAN

MOHD AZAM
SHAH YAACOB
mohdazam
@hmetro.com.my

GRAFIK

SALIM DAWAM
norsalim
@hmetro.com.my

24 Julai

- Lagi dua pesawat pengangkut tiba di Eindhoven, Belanda dengan membawa 51 bungkusan yang mengandungi mayat serta cebisan tubuh badan mangsa

- Usaha mencantum cebisan mayat dilakukan dalam proses kenal pasti

25 Julai

- Lebih banyak mayat tiba di Eindhoven (jumlah tidak diketahui)

- Pemimpin pemberontak Ukraine mengesahkan bahawa pemberontak pro-Russia mempunyai sistem pertahanan udara antipesawat jenis BUK

26 Julai

Data kedua-dua kotak hitam MH17 disahkan tidak diusik dan dicerap serta boleh digunakan sepenuhnya untuk penyiasatan

28 Julai

Identiti mangsa pertama dikenal pasti

29 Julai

- Siasatan terhadap kotak hitam yang diserahkan pemberontak mendapati pesawat jatuh terhempas akibat ditembak dengan peluru berpandu.



mulai

dua kotak hitam MH17
dikusik dan dicemari
gunakan sepenuhnya
siasatan

mulai

ngsa pertama

mulai

hadap kotak hitam
an pemberontak
pesawat jatuh
ibat ditembak dengan
du.



30 Julai

Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi ke Kiev, Ukraine mengetuai 68 anggota dan pegawai Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam misi siasatan pesawat penerbangan MH17

31 Julai

Pakar siasatan antarabangsa tiba di kawasan pesawat terhempas

1 Ogos

Pakar forensik dari Australia dan Belanda menjumpai cebisan tubuh badan mangsa di kawasan kejadian.

4 Ogos

Pakar antarabangsa bersama anjing pengesanan kelmarin berhasil menemui beberapa lagi mayat mangsa tragedi pesawat MH17

5 Ogos

Sebanyak 220 baki cebisan mayat penumpang pesawat MH17 yang sudah busuk dan reput ditemui dan dikutip pasukan penyiasat

6 Ogos

Pihak penyiasat memperoleh imej rakaman dan bukti baru kewujudan trak model Volvo yang dikesan membawa sistem peluru berpandu BUK sejurus pesawat MH17 ditembak jatuh

7 Ogos

Pasukan Pengenalan Mangsa Bencana (DVI) Malaysia dan antarabangsa sahkan 150 mayat dalam keadaan sempurna

10 Ogos

- 65 mayat dikenal pasti termasuk dua mayat warga Malaysia

- Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Hussein berkata, hasil risikan tentera dan penemuan serpihan pesawat di tempat kejadian jelas menunjukkan tembakan itu tidak mungkin dari udara ke udara, sebaliknya tembakan peluru berpandu dari darat ke udara. Namun tidak dipastikan dilepaskan pihak mana.

12 Ogos

16 mayat dikenal pasti sebagai rakyat Malaysia terdiri daripada penumpang dan kru penerbangan MH17 dan dijangka dihantar pulang ke negara ini



Mohd Ali Md Salim



Elaine Teoh



Ahmad Hakimi Hanapi



Ng Qing Zeng



Mastura Mustafa

14 Ogos

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan 24 mayat rakyat Malaysia sudah dikenal pasti dan 15 daripadanya akan dibawa pulang 22 Ogos ini.